



PERAK  
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## KENYATAAN RASMI BIL. 1/2020

### ISU DESAKAN MENGADAKAN DIALOG TULISAN JAWI : MENANGKIS GERAKAN ANTI-NASIONAL

1. Adalah sangat mendukacitakan masih lagi kedengaran suara yang menghalang perpaduan antara kaum di Malaysia dengan mendesak Kementerian Pendidikan Malaysia mengadakan dialog terhadap pelaksanaan tulisan jawi di sekolah.
2. Saya ingin mengingatkan kepada pihak-pihak yang terlibat untuk menelaah **Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan** dan **Seksyen 9 dan 10 Akta 32 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67** yang secara jelas menjamin survival tulisan jawi dan angka arab melalui pengajaran Bahasa Melayu kepada setiap warganegara Malaysia.
3. Tulisan jawi dilindungi oleh perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, kerana tulisan jawi adalah sebahagian daripada bahasa Melayu. Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan menyebut "*Bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen*".
4. Jawi juga disebut dalam Seksyen 9 Akta Bahasa Kebangsaan seperti berikut: "*Tulisan bagi bahasa kebangsaan adalah tulisan Rumi: dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu, yang lebih dikenali dengan nama tulisan Jawi, bagi bahasa kebangsaan*". Justeru jika dirujuk silang perkara 152 Perlembagaan Persekutuan kepada Seksyen 9 Akta Bahasa Kebangsaan, maka **tulisan jawi adalah Bahasa Kebangsaan**.
5. Sesiapa yang mempersoalkan hak-hak tulisan jawi adalah termasuk dalam definisi kecenderungan menghasut di bawah **Seksyen 3(1)(f) Akta Hasutan 1948** iaitu "*bagi mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan*".
6. Maka dengan ini, saya menggesa dan menyeru seluruh warganegara supaya tidak terpengaruh dengan desakan gerakan tersebut yang dilihat cuba mengganggu-gugat keamanan nasional dan perpaduan kaum.

**Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria**  
**Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan**

7 Jamadilawal 1441 H (Jumaat)  
3 Januari 2020 M